

BAB IV

KEPUTUSAN KAJIAN

Bab ini membincangkan segala hasil penyelidikan secara khusus. Penyelidikan latar belakang responden akan diterangkan terlebih dahulu. Perbincangan seterusnya adalah mengikut turutan seperti di dalam soal selidik yang telah diedarkan.

Analisis data dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian pertama membincangkan latar belakang responden yang dihuraikan secara diskriptif dan maklumat tersebut dibuat secara ringkas kerana tidak berkaitan dengan objektif kajian. Bahagian kedua penganalisan data dibuat secara diskriptif berbentuk skor min, purata keseluruhan dan tahap signifikan seperti yang diperlukan untuk mencapai objektif pertama dan kedua kajian. Bahagian ketiga Menerangkan kefahaman fungsi dan pengetahuan berkaitan QIT serta memastikan tahap dokumentasi, konsep pelaksanaan sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak pentadbiran di peringkat PPD. Bahagian keempat menganalisis dapatan kajian yang dikaitkan dengan keberkesanan program yang telah dipersetujui oleh setiap QIT daripada persepsi setiap responden. Ini kerana setiap ahli QIT adalah juga pentadbir di sekolah masing-masing.

Perihal Responden

Kategori sekolah Jadual 4.1 menunjukkan taburan responden berdasarkan kategori sekolah. Sejumlah 89 responden telah melengkapkan soal selidik yang diedarkan. Daripada jumlah ini 22 orang merupakan Pengetua, daripada jumlah keseluruhan Pengetua yang berjumlah 30 orang semuanya. Semua Pengetua adalah ahli QIT Menengah.

Jadual 4.1
 Taburan responden berdasarkan kategori sekolah

		Sekolah Menengah	Sekolah Rendah
Jenis Sekolah		22	67
Jantina	Pengetua Lelaki	15	-
	Pengetua Wanita	3	-
	Guru Besar Lelaki	-	57
	Guru Besar Wanita	-	2
	Pendolong Kanan Lelaki	8	-
Kelulusan	Kelulusan Diploma Perguruan	22	8
Iktisas	Kelulusan Sijil Perguruan	-	59
Tempoh Berkhidmat	11 - 15 tahun	-	4
	Melebihi 16 tahun	22	63
Kelayakan Akademik	Ijazah	22	-
	Diploma	-	8
	STPM	-	33
	SPM	-	26
Ciri Umur	30 - 39 tahun	-	58
	Melebihi 40 tahun	22	58

Manakala di kalangan Guru Besar terdapat seramai 67 orang (67%) yang melengkapkan soal selidik daripada jumlah 100 orang yang menganggotai QIT Rendah di PPD Kota Bharu.

Jadual 4.1 juga menunjukkan bilangan responden berdasarkan jantina yang telah melengkapkan soal selidik ini serta bilangan Pengetua dan Guru Besar yang menganggotai QIT Menengah dan Rendah. Secara keseluruhan Jadual 4.1 menunjukkan bilangan Pengetua dan Guru Besar lelaki melebihi bilangan perempuan dalam semua QIT yang terdapat di PPD Kota Bharu. Peratusan bilangan Pengetua dan Guru Besar perempuan yang memulangkan jawapan soal selidik adalah selari dengan peratusan sebenar. Di PPD Kota Bharu, bagi QIT Menengah terdapat 5 orang (16%) ahli perempuan sementara QIT Rendah mengandungi 12 orang (12%) ahli perempuan.

Jawatan di sekolah yang terdapat dalam Jadual 4.1 menunjukkan taburan responden berdasarkan Pengetua, Guru Besar atau Penolong Kanan yang melengkapkan jawapan soal selidik yang telah diedarkan. Terdapat 4 orang (18.2%) Penolong Kanan yang melengkapkan soal selidik bagi pihak Pengetua. Bagi QIT Rendah terdapat 8 orang (11.9%) yang melengkapkan soal selidik bagi pihak Guru Besar. Semua jawapan yang dilengkapkan oleh Penolong Kanan ini boleh diterima dan dianggap hampir sama dengan jawapan Pengetua dan Guru Besar kerana sememangnya terdapat di kalangan Pengetua dan Guru Besar yang mengarahkan Penolong Kanan menghadiri mesyuarat QIT bagi pihak mereka.

Kelayakan Iktisas yang terdapat dalam Jadual 4.1 menunjukkan kesemua ahli QIT Menengah mempunyai Diploma Pendidikan sebagai kelayakan iktisas dan kelayakan yang sama juga diperolehi 8 orang (11.9%) bagi ahli QIT Rendah. Selain daripada itu kesemua ahli QIT Rendah mempunyai Sijil Perguruan sebagai kelayakan iktisas.

Jadual 4.1 menunjukkan juga tempoh berkhidmat ahli-ahli QIT Kota Bharu yang kesemuanya terdiri daripada Pengetua dan Guru Besar yang sememangnya telah lama berkhidmat sebelum dilantik sebagai pengurus di sekolah masing-masing. Daripada Jadual 4.1, majoriti daripada Pengetua dan Guru Besar serta Penolong Kanan adalah mereka yang telah berkhidmat melebihi daripada 16 tahun dalam profesi perguruan. Bagi QIT Menengah kesemua ahli, 22 orang (100%) terdiri daripada yang telah berkhidmat melebihi 16 tahun. Bagi QIT Rendah 57 orang (94.0%) berkhidmat melebihi 16 tahun dan hanya 4 orang (6.0%) yang berkhidmat kurang daripada 15 tahun. Kelayakan akademik dalam Jadual 4.1 menunjukkan kelayakan akademik tertinggi bagi semua ahli yang menganggotai QIT Kota Bharu. Kesemua anggota QIT Menengah mempunyai ijazah, sementara QIT Rendah mempunyai ahli yang mempunyai kelulusan SPM seramai 26 orang (38.8%), kelulusan STPM terdiri dari pada 33 orang (49.3%) dan yang mempunyai kelulusan Diploma seramai 8 orang (11.9%). Jadual 4.1 menunjukkan juga faktor umur, yang diambil kira bagi kesemua ahli QIT Kota Bharu. Ciri yang paling jelas daripada jadual ini ialah majoriti ahli dalam QIT Kota Bharu adalah berumur melebihi 40 tahun. Dari segi umur didapati kesemua ahli QIT Menengah adalah melebihi 40 tahun, 22 orang (100%). Sementara bagi QIT Rendah terdapat 9 ahli (13.4%) berumur kurang daripada 39 tahun dan terdapat 58 ahli (86.6%) terdiri daripada yang berumur melebihi 40 tahun.

Persepsi Ahli QIT

Salah satu objektif penubuhan QIT ialah untuk memastikan semua perancangan atau program yang diilhamkan di peringkat JPN, PPD atau pun peringkat QIT dapat dijalankan dengan secara lebih berkesan. Walaupun begitu keberkesanan setiap QIT bergantung sepenuhnya di

atas kesesuaian setiap ahli di dalam pasukan tersebut serta tahap komitmen terhadap perancangan pasukan yang telah dipersetujui.

Bahagian A dalam soal selidik cuba melihat persepsi ahli QIT yang keseluruhannya diarah menganggotai QIT tertentu mengikut yang telah ditetapkan oleh PPD Kota Bharu dan ini pastinya boleh memberi kesan kepada QIT yang dianggotai. Terutama apabila berlakunya percanggahan pendapat, perbezaan keutamaan program atau percanggahan personaliti yang telah bertunas.

a) Penglibatan setiap ahli dalam QIT

Jadual 4.2 menunjukkan penglibatan setiap ahli dalam setiap QIT yang dianggotai yang mana peranan setiap individu sangat bermakna dalam proses pembentukan satu QIT yang mantap. Dalam kajian "penglibatan individu" ini sebanyak enam item telah dikemukakan.

Nilai signifikan** berdasarkan maklum balas dari 1 (sangat tidak setuju) ke 5 (sangat bersetuju). Lebih tinggi nilai skor min lebih bersetuju responden terhadap pernyataan tersebut. "Min Men." dan "Min Ren." masing-masing menunjukkan nilai min QIT Menengah dan QIT Rendah.

Bagi item pertama nilai purata min yang diperolehi (4.4157) menunjukkan kebanyakan ahli QIT Menengah dan Rendah jika diberi peluang, mereka akan terlibat dan memberi cadangan semasa perbincangan atau dalam mesyuarat. Terdapat sedikit perbezaan antara QIT Menengah dan Rendah dalam menyatakan kadar persetujuan dengan item yang dikemukakan masing-masing menyatakan kadar persetujuan pada tahap 4.4273 dan 4.4776, di mana ahli QIT Rendah menunjukkan kadar persetujuan yang lebih tinggi, iaitu

lebih bersetuju dengan pernyataan tersebut. Walau bagaimanapun perbezaan kadar persetujuan ini tidak ketara kerana nilai signifikan ialah 0.2196, melebihi kadar 0.005. Dapatan dari item kedua di mana purata min ialah 4.2797 menunjukkan ahli kedua-dua QIT memberi kepercayaan yang tinggi terhadap rakan sepasukan. Dari segi persetujuan dengan pernyataan, QIT Rendah memberikan persetujuan yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan QIT Menengah, walaubagaimana pun perbezaan kadar persetujuan ini tidak ketara (nilai signifikan 0.1626).

Jadual 4.2
Nilai min, Penglibatan Ahli QIT*

BIL	ITEM	Min		Purata	Sinifikan**
		Men.	Ren.		
1	Semua terlibat dan diberi peluang bersuara semasa perbincangan.	4.2273	4.4776	4.4157	0.2196
2	Saya percayakan rakan sepasukan	4.1364	4.3134	4.2797	0.1626
3	Saya kerap memberi komitmen yang tinggi kepada tugas yang diberi	4.0909	4.2239	4.1910	0.6629
4	Saya kerap bertolak ansur dalam memberi idea.	3.9545	4.0896	4.0562	0.0959
5	Ramai ahli yang pasif dan tidak memberi perhatian.	2.4091	2.1493	2.2135	0.1610
6	Terdapat ahli enggan memberi sumbangan atau idea	2.2727	1.9851	2.0562	0.4123

* = berdasarkan maklum balas dari 1 (sangat tidak setuju) ke 5 (sangat setuju).

** = Menggunakan teknik statistik ujian t.

Dapatan dari item ketiga menunjukkan ahli-ahli yang menganggotai QIT Rendah memberikan kadar persetujuan 4.2239 dengan pernyataan

"saya kerap memberi komitmen yang tinggi kepada tugas yang diberi", walaupun terdapat sedikit perbezaan antara QIT Menengah dan Rendah tetapi ia tidak signifikan. Ahli QIT Rendah lebih suka melaksanakan sesuatu program daripada dibincangkan dengan terperinci dalam mesyuarat. Nilai purata min pula memberi gambaran bahawa ahli kedua-dua QIT menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap tugas yang diamanahkan, kadar persetujuan yang dengan pernyataan yang dikemukakan ialah 4.1910.

Purata min bagi item keempat iaitu 4.0562, menunjukkan ramai dikalangan ahli QIT bersetuju dengan pernyataan iaitu kerap bertolak ansur dalam memberi idea. Terdapat sedikit perbezaan yang signifikan antara kadar persetujuan ahli QIT Menengah dan Rendah iaitu 0.0959. Ini berkemungkinan ahli QIT Menengah yang di anggotai oleh Pengetua kurang memberi ruang untuk bertolak ansur dalam membuat keputusan. Bagi item kelima, skor min bagi QIT Menengah (2.4091) adalah lebih tinggi berbanding dengan skor min QIT Rendah (2.1493) . Skor min ini menunjukkan ramai yang tidak bersetuju dengan pernyataan yang dikemukakan. Ahli QIT Rendah pula menunjukkan kadar tidak bersetuju dengan pernyataan yang dikemukakan lebih tinggi berbanding dengan QIT Menengah. Ini bermakna anggota QIT Rendah memberi lebih perhatian terhadap isu dan program yang dibincang semasa mesyuarat atau perlaksanaannya. Perbezaan min, walaupun tidak signifikan, mungkin disebabkan oleh tahap pendidikan yang berbeza di antara ahli-ahli QIT Menengah dan QIT Rendah. Di kalangan ahli QIT Menengah pula menunjukkan skor min yang tinggi, ini menggambarkan QIT Menengah kurang aktif dalam perbincangan. Mungkin faktor kelulusan akademik yang tinggi ataupun interaksi antara rakan sekerja juga menyumbang ke arah sikap ini. Urutan yang sama juga ditunjukkan oleh item keenam iaitu ahli QIT Menengah lebih tidak berminat untuk

mengemukakan idea semasa mesyuarat dijalankan. Kesan yang sama dapat dilihat terhadap item keenam, yang mana ahli dalam QIT Rendah lebih mudah memberi sumbangan dan idea kepada rakan sakerja berbanding QIT Menengah. Tahap signifikan bagi kesemua item dalam domain "penglibatan ahli QIT" ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara QIT Menengah dan QIT Rendah.

b) Hubungan Di Kalangan Ahli QIT

Domain "perhubungan antara ahli" juga penting dalam menentukan mesyuarat dan pelaksanaan sesuatu program berjalan lancar. Dalam kajian ini, tujuh item digunakan bagi mengkaji tahap perhubungan dikalangan ahli. Item pertama, nilai min bagi QIT Menengah ialah 3.8636 sementara min bagi QIT Rendah menunjukkan lebih tinggi kadar persetujuannya iaitu pada tahap 4.5522. Ahli QIT Rendah "sangat bersetuju" dengan pernyataan yang diberikan sementara ahli QIT Menengah hanya sekadar "bersetuju" dengan pernyataan tersebut. Walaupun terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-dua QIT ini, kata sepakat masih senang diperolehi kerana nilai purata min ialah 4.3820. Purata bagi item kedua ialah 4.3034 yang menunjukkan ramai di kalangan ahli QIT menganggap hubungan di antara mereka adalah mesra. Terdapat sedikit perbezaan nilai min antara ahli QIT Menengah dan Rendah, walaupun tidak signifikan ia menggambarkan ahli QIT Rendah lebih mesra di antara mereka berbanding dengan QIT Menengah. Faktor jarak antara sekolah rendah yang mana lebih berdekatan antara satu sama lain jika dibandingkan dengan jarak antara sekolah menengah menyumbang kearah perbezaan kemesraan ini. Jarak yang berdekatan menggalakan perhubungan dan perbincangan jika terdapat sebarang masalah. Jarak yang berdekatan juga dapat menerangkan perbezaan dapatan bagi item ketiga, keempat dan kelima.

Daripada dapatan nilai purata min, kebanyakan ahli "bersetuju" dengan pernyataan yang dikemukakan seperti yang berkaitan meraikan kejayaan, mengambil berat tentang kesejahteraan dan mengambil tahu apa yang berlaku keatas ahli kumpulan. Nilai min bagi ketiga-tiga item ini menunjukkan urutan yang serupa dimana nilai min bagi QIT Menengah lebih rendah nilainya dibanding dengan dapatan nilai min QIT Rendah. Dapatan nilai purata min Item keenam pada kadar persetujuan 4.0112 adalah pada tahap "bersetuju" dengan pernyataan yang diberi. Ahli QIT Rendah menunjukkan kadar persetujuan yang lebih tinggi daripada ahli QIT Menengah dalam mengambil kira perasaan ahli pasukan semasa membuat keputusan. Begitu juga bagi item ketujuh di mana nilai purata min ialah 3.7416, ini bermaksud ramai ahli yang berpendapat bahawa mudah bagi mereka untuk meluahkan perasaan dan luahan ini mendapat perhatian daripada ahli-ahli yang lain. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara QIT Menengah dan Rendah dalam hal-hal "perasaan diambil kira" dan "perasaan mendapat perhatian".

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.3., nilai purata keseluruhan di antara 3.7416 hingga 4.3920 yang boleh dikaitkan sebagai "bersetuju" dengan pernyataan-pernyataan yang diberi. Daripada nilai min Jadual 4.3, nilai min bagi semua item QIT Rendah menunjukkan terdapat persetujuan yang lebih tinggi dari segi perhubungan profesional di kalangan ahli QIT Rendah jika dibandingkan dengan QIT Menengah. Ini adalah sejajar dengan dapatan yang diperolehi daripada nilai min item keempat, kelima, keenam dan ketujuh di mana nilai min menunjukkan ramai yang bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan dalam soal selidik ini. Ini berkemungkinan QIT Rendah yang dianggotai oleh Guru Besar, yang mana kebiasaannya pengawasan bagi setiap program anjuran PPD dilakukan oleh Guru Besar sendiri (*personal*

involvement). Ini bagi memastikan program tersebut berjalan lancar dan setiap ahli QIT Rendah tentunya terpaksa sentiasa berhubung di antara satu sama lain. Ini tidak berlaku di QIT Menengah kerana pengawasan program PPD kebiasaannya dilakukan secara penurunan kuasa (*empowerment*)

Jadual 4.3
Perhubungan Professional Di Kalangan ahli QIT*

BIL	ITEM	Min		Purata	Signifikan**
		Men	Ren		
1	Kata sepakat senang diperolehi	3.8636	4.5522	4.3820	0.0068
2	Hubungan dikalangan ahli QIT adalah mesra	4.4545	4.2537	4.3034	0.5253
3	Setiap kejayaan QIT diraikan bersama.	4.2727	4.1771	4.2022	0.7868
4	Saya mengambil berat kesejahteraan sosial ahli kumpulan.	3.9545	4.0746	4.0449	0.6997
5	Saya kerap mengambil tahu apa yang berlaku keatas ahli kumpulan.	3.9091	4.0746	4.0397	0.9356
6	Perasaan ahli kumpulan di ambil kira dalam membuat sebarang keputusan.	3.8636	4.0597	4.0112	0.1450
7	Setiap perasaan mudah diluahkan dan mendapat perhatian	3.6818	3.7612	3.7416	0.3327

* = berdasarkan maklum balas dari 1 (sangat tidak setuju) ke 5 (sangat setuju).

** = Menggunakan teknik statistik ujian t.

Nilai signifikan** berdasarkan maklum balas dari 1 (sangat tidak setuju) ke 5 (sangat bersetuju). Lebih tinggi nilai skor min lebih bersetuju responden terhadap pernyataan tersebut. Tahap signifikan dalam Jadual 4.3 menunjukkan tiada perbezaan yang ketara berkenaan

"perhubungan antara ahli QIT", antara QIT Menengah dan Rendah ($p > 0.05$).

c) Kefahaman matlamat setiap QIT

Faktor terhadap kefahaman arah tuju program yang dijalankan oleh setiap QIT juga perlu diambil kira bagi memahami fungsi sebenar mengapa PPD Kota Bharu menubuhkan QIT. Dapatan kadar persetujuan bagi item-item yang dikaitkan dengan "tahap kefahaman matlamat" adalah seperti Jadual 4.4.

Dalam domain "kefahaman terhadap matlamat QIT", nilai min bagi item pertama menunjukkan ahli QIT Rendah lebih bersetuju dengan pernyataan "saya selalu berkongsi pengalaman dengan ahli kumpulan" jika di bandingkan dengan ahli QIT Menengah dan perbezaan ini adalah signifikan ($p=0.0259$). Ini di sebabkan dalam QIT Menengah penurunan kuasa kerap dipraktikan jika di banding dengan QIT Rendah. Purata min bagi item ini ialah 4.3708 yang mana menunjukkan kebanyakan ahli daripada kedua-dua QIT "sangat bersetuju" dengan pernyataan yang dikemukakan.. Item kedua, ketiga dan keempat masing-masing berkaitan "semua ahli sanggup berkongsi tanggung jawab", "matlamat pasukan dijelaskan oleh pengerusi" dan "semua ahli bertugas atas nama pasukan", nilai min bagi QIT Rendah dan Menengah hampir sama kadar persetujuannya terhadap pernyataan-pernyataan tersebut. Nilai purata min bagi item kedua menunjukkan ramai ahli bersetuju dengan pernyataan yang persetujuannya pada tahap 4.2809. Begitu juga dengan nilai purata min bagi item ketiga dan keempat, masing-masing nilai min pada tahap 4.1573 dan 4.1236. Ahli-ahli QIT bersetuju bahawa matlamat pasukan dijelaskan oleh pengerusi dan semua ahli menjalankan tugas atas nama pasukan.

Nilai purata min bagi item kelima ialah 2.3836 yang menunjukkan kebanyakan ahli QIT "tidak bersetuju" dengan pernyataan "saya memberi komitmen sederhana terhadap arahan yang diberi". Nilai min bagi item kelima adalah hampir sama antara QIT Menengah dan QIT Rendah terhadap pernyataan yang dikemukakan, ini menggambarkan kebanyakan ahli memberi komitmen yang tinggi terhadap arahan yang diberi.

Jadual 4.4
Min Dan Kefahaman Ahli Terhadap Matlamat QIT*

Bil	Item	Skor min		Purata	Signifikan**
		Men	Ren		
1	Saya selalu berkongsi pengalaman dengan ahli kumpulan.	4.1818	4.4328	4.3708	0.0259
2	Semua ahli QIT sanggup berkongsi tanggung jawab	4.2273	4.2985	4.2809	0.4124
3	Matlamat pasukan dijelaskan oleh pengerusi	4.1364	4.1642	4.1573	0.4307
4	Semua ahli QIT menjalankan tugas atas nama pasukan.	4.1364	4.1194	4.1236	0.9670
5	Saya memberi komitmen sederhana terhadap arahan yang diberi.	2.3636	2.3881	2.3836	0.1101
6	Matlamat QIT tidak jelas	2.4545	2.0000	2.1124	0.3191

* = berdasarkan maklum balas dari 1 (sangat tidak setuju) ke 5 (sangat setuju).

** = Menggunakan teknik statistik ujian t.

Bagi item keenam, ahli QIT Menengah memberi kadar persetujuan 2.3636 iaitu pada tahap "tidak bersetuju" dengan pernyataan "saya

memberi komitmen sederhana terhadap arahan yang diberi". Kadar persetujuan ini hampir sama dengan kadar persetujuan yang diberikan oleh ahli QIT Rendah. Ini menunjukkan kebanyakan ahli QIT Menengah jelas berkenaan matlamat QIT berbanding dengan QIT Rendah, ini berkemungkinan program yang dirumuskan oleh QIT Menengah adalah tidak sebanyak yang digubal untuk QIT Rendah.

d) Kesepaduan mencapai keputusan

Setiap QIT perlu membuat keputusan samada sesuatu program perlu dilaksanakan atau pun ditangguhkan. Keputusan sedemikian perlukan sokongan semua ahli. Kesepaduan dalam mencapai sebarang keputusan diuji berdasarkan tiga item seperti dalam Jadual 4.5 dibawah. Purata min bagi item pertama dan kedua iaitu "kerap menggalakkan rakan mengambil bahagian semasa membuat keputusan" dan "keputusan kumpulan adalah lebih penting dari keputusan individu" masing-masing pada nilai purata min 4.1685 dan 4.0112 iaitu pada kadar "bersetuju" dengan kedua-dua pernyataan. Sementara bagi item ketiga, nilai purata min 2.1124 iaitu pada kadar "tidak bersetuju" bermaksud kebanyakan ahli QIT berpendapat bahawa sokongan ahli-ahli kumpulan senang di perolehi.

Daripada dapatan soal selidik yang diedarkan, item pertama dan kedua nilai min menunjukkan tidak sukar untuk mencapai kata sepakat dalam membuat keputusan kerana ramai di kalangan kedua-dua ahli QIT, responden memberi jawapan "bersetuju" dengan pernyataan yang dikemukakan iaitu tahap persetujuan masing-masing 4.1685 dan 4.0112 . Untuk item kedua di mana ramai ahli yang berpendapat, keputusan pasukan adalah lebih penting jika dibandingkan dengan keputusan individu. Nilai min bagi item ini menunjukkan dapatan QIT

Rendah adalah lebih tinggi daripada QIT Menengah. Perbezaan dapatan antara QIT Menengah dan Rendah adalah signifikan.

Jadual 4.5
Purata Min, Min dan Signifikan Kesepaduan Mencapai Keputusan*

Bil	Item	Skor min		Purata	Signifikan**
		Men	Ren		
1	Galakkan rakan mengambil bahagian semasa membuat keputusan	4.0000	4.2239	4.1685	0.1747
2	Keputusan kumpulan adalah lebih penting dari keputusan individu	3.8636	4.0559	4.0112	0.0479
3	Keputusan sukar mendapat sokongan ahli QIT	2.4545	2.000	2.1124	0.1623

* = berdasarkan maklum balas dari 1 (sangat tidak setuju) ke 5 (sangat setuju).

** = Menggunakan teknik statistik ujian t.

Jadual 4.5 juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan diantara skor min kecuali untuk item kedua dimana $p=0.0479$. Bagi item kedua perbezaan yang signifikan mungkin disebabkan tahap penurunan kuasa adalah lebih banyak dipraktikan di QIT Menengah jika dibandingkan dengan QIT Rendah, ini menjadikan ahli QIT Menengah lebih individualistik.

e) Kreativiti ahli QIT

Bagi memastikan perubahan program bagi setiap QIT mudah dilaksanakan, kreativiti ahli adalah aset penting. QIT yang statik dari

segi idea tidak akan dapat melahirkan idea yang bernas. Dalam soal selidik yang diedarkan, kreativiti diukur melalui empat item seperti yang terdapat dalam *Jadual 4.6*.

Jadual 4.6
Skor min dan peratus tahap kerativiti ahli QIT*

Bil	Item	Skor min		Purata	Signifikan**
		Men	Ren		
1	Saya mudah menerima idea baru	4.0455	4.2687	4.2135	0.4538
2	Menghormati satu sama lain dan bebas mengkritik	4.0909	4.2388	4.2022	0.4243
3	Sebagai ahli kumpulan seharusnya memberi padangan tanpa diminta terlebih dahulu.	3.6818	4.0896	3.9888	0.0670
4	Saya kurang berminat dengan idea baru	2.0000	1.7273	1.9336	0.2715

* = berdasarkan maklum balas dari 1 (sangat tidak setuju) ke 5 (sangat setuju).

** = Menggunakan teknik statistik ujian t.

Nilai purata min bagi domain "kreativiti" menunjukkan ramai di kalangan ahli QIT yang bersetuju bahawa mereka mudah menerima idea baru. Bagi item pertama ini tidak dapat perbezaan yang signifikan antara dapatan bagi QIT Menengah dan Rendah walaupun masing-masing memberi kadar persetujuan pada tahap 4.0455 dan 4.2687. Ahli QIT Rendah memberi kadar persetujuan yang lebih tinggi jika di bandingkan dengan QIT Menengah kemungkinan di sebabkan ahli QIT Rendah lebih bersifat terbuka dalam melakukan sesuatu tugas yang diberikan kepada mereka. Bagi item kedua dalam *Jadual 4.6*, nilai purata min

ialah 4.2022 yang boleh di anggap sebagai kebanyakan ahli QIT bersetuju bahawa mereka menghormati antara satu sama lain dan bebas mengkritik. Purata min bagi item ketiga, 3.9888 juga memberi gambaran bahawa kebanyakan ahli QIT bersetuju dengan pernyataan "sebagai ahli kumpulan mereka seharusnya memberi pandangan tanpa diminta terlebih dahulu". Sementara nilai min bagi pernyataan ini menunjukkan perbezaan yang signifikan (0.0670) antara dapatan nilai min QIT Menengah dan Rendah. Nilai min bagi QIT Menengah ialah 3.6818 manakala bagi QIT Rendah, nilai min bagi pernyataan ini ialah 4.0896. Kedua-dua nilai min boleh di anggap sebagai kebanyakan ahli bersetuju, walau bagaimanapun begitu daripada dapatan ini menunjukkan QIT Rendah menyatakan lebih kadar persetujuannya daripada QIT Menengah. Ahli QIT Rendah lebih gemar memberi pandangan daripada ahli QIT Menengah, ini kerana ahli QIT Rendah lebih memahami konsep QIT serta kreativiti lebih di galakkan dalam QIT Rendah daripada dalam QIT Menengah. Bagi item terakhir ramai di antara responden yang tidak bersetuju bahawa mereka kurang berminat dengan idea baru. Kadar persetujuan bagi purata min ialah 1.9336 yang mana boleh di anggap sebagai "tidak bersetuju" juga tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-dua QIT dalam hal ini. Daripada dapatan kajian yang dipaparkan dalam Jadual 4.6 jelas menunjukkan ahli QIT Menengah dan Rendah mudah menerima idea baru dan dengan ini menggalakkan kreativiti di kalangan ahli pasukan.

Kefahaman Konsep QIT

Konsep pelaksanaan QIT sekiranya ingin dipraktikkan dengan jaya memerlukan kefahaman dari segi prinsip, isi kandungan program dan cara dokumentasi yang harus dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan. Dalam kaji selidik ini "kefahaman konsep" yang terdapat

dalam QIT diuji menggunakan tujuh item. Dapatan kajian dipaparkan dalam Jadual 4.7 di bawah. Nilai min dan purata berdasarkan maklum balas dari "1" bersamaan "sangat tidak faham" hingga ke "5" yang disamakan dengan "sangat faham". Daripada Jadual 4.7, keputusan kajian menunjukkan tahap kefahaman konsep QIT adalah tinggi dikalangan ahli QIT Menengah dan Rendah, kerana nilai min keseluruhan bagi ketujuh-tujuh item ialah 4.0724, ini menunjukkan kebanyakan responden "faham" akan konsep-konsep yang dikaitkan dengan fungsi QIT. Walau bagaimanapun masih terdapat 15 orang ahli lagi yang belum didedahkan kepada konsep QIT ini. Iaitu terdiri 6 orang daripada QIT Menengah dan 9 orang daripada kalangan ahli QIT Rendah. Nilai purata min bagi item pertama ialah 4.1733 yang boleh dikaitkan bahawa kebanyakan ahli QIT faham akan prinsip QIT. Tahap kefahaman antara ahli QIT Menengah dan Rendah hampir sama iaitu 4.1875 bagi QIT Menengah dan 4.1695 bagi QIT Rendah. Urutan yang hampir sama juga diperolehi bagi item kedua, yang mana purata min ialah 4.0933 yang menunjukkan kebanyakan ahli faham akan faedah cara pengurusan kualiti menyeluruh yang boleh meningkatkan prestasi pendidikan. Tahap kefahaman ahli QIT Rendah juga mengatasi tahap kefahaman ahli QIT Menengah dalam perkara ini. Berkenaan konsep QIT (item ketiga), purata min bagi item ini ialah 4.0533 yang menunjukkan kebanyakan ahli QIT faham akan perkara yang di maksudkan. Jadual 4.7 mencatatkan bahawa ahli QIT Rendah menunjukkan tahap kefahaman yang lebih tinggi daripada ahli QIT Menengah. Kebanyakan ahli QIT juga faham cara pendokumentasian dalam QIT, ini berdasarkan purata min yang di perolehi bernilai 4.0533 iaitu pada tahap "faham". Nilai min bagi setiap QIT juga menunjukkan tahap kefahaman ahli QIT Rendah lebih tinggi jika di bandingkan dengan tahap kefahaman ahli QIT Menengah. Walau bagaimanapun perbezaan ini tidak signifikan (0.2512). Purata min bagi item kelima

boleh dianggap sebagai majoriti ahli QIT faham akan hubungan antara Pengurusan Kualiti Menyeluruh dan QIT, di mana QIT adalah salah satu komponen penting dalam gaya pengurusan ini. Dalam konteks kefahaman ini, ahli QIT Menengah mempunyai tahap kefahaman yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan kefahaman ahli QIT Rendah. Sungguhpun begitu, perbezaan ini tidak signifikan. Berkenaan perkara-perkara yang terkandung dalam QIT, kebanyakan ahli menunjukkan bahawa mereka "faham", ini berasaskan nilai purata min yang di perolehi pada tahap 4.0400. Nilai min bagi setiap QIT pula ialah 4.0000 bagi QIT Menengah dan 4.0508 bagi QIT Rendah.

Jadual 4.7
Kefahaman Konsep QIT*

Bil	Item	Min		Purata	Signifikan**
		Men	Ren		
1	Prinsip-prinsip QIT	4.1875	4.1695	4.1733	0.0826
2	Faedah cara pengurusan kualiti menyeluruh bagi meningkatkan prestasi pendidikan.	4.000	4.1186	4.0933	0.7489
3	Konsep QIT atau Kumpulan Penambahbaikan Kualiti	3.9375	4.0847	4.0533	0.6747
4	Cara pengdokumentasi dalam QIT	3.8750	4.1017	4.0533	0.2512
5	Hubungan Pengurusan Kualiti Menyeluruh dan QIT?	4.1875	4.0010	4.0401	0.6989
6	Perkara-perkara yang terdapat dalam QIT	4.000	4.0508	4.0400	0.7869
7	Adakah anda faham apa itu QIT?	3.6250	4.1186	4.0133	0.0202

* = berdasarkan maklum balas dari 1 (sangat tidak setuju) ke 5 (sangat setuju).

** = Menggunakan teknik statistik ujian t.

Bagi persoalan, sama ada ahli-ahli QIT faham "apa itu QIT", di dapati

nilai purata min ialah 4.0133 iaitu pada tahap "faham", manakala bagi QIT Menengah tahap kefahaman ialah 3.6250 dan bagi QIT Rendah 4.1186 yang mana perbezaan ini adalah signifikan (0.0202). Ini berkemungkinan ahli-ahli QIT Rendah lebih berminat dengan konsep baru cara meningkatkan prestasi akademik ini, manakala ahli QIT Menengah yang terdiri daripada Pengetua kurang meminati membuat keputusan secara kolektif.

Daripada nilai "signifikan" ia menunjukkan tiada perbezaan yang ketara di antara QIT Menengah dan QIT Rendah dalam kefahaman konsep QIT ini, kecuali bagi item ketujuh ia itu "Faedah cara pengurusan kualiti menyeluruh dapat meningkatkan prestasi pendidikan" yang mana perbezaannya adalah signifikan ($p=0.0202$)

Keberkesanan QIT dalam melaksanakan program

Pandangan ahli-ahli QIT dalam keberkesanan program-program yang telah dirancang oleh JPN, PPD atau QIT sendiri tentunya menjadi ukuran penting dalam menentukan sama ada QIT tersebut berfungsi secara efektif atau tidak. Ukuran keberkesanan ini diuji melalui enam item seperti dalam Jadual 4.8. Tahap signifikan berdasarkan maklum balas dari 0% sebagai "sangat tidak berkesan" sehingga 100% sebagai "sangat berkesan".

Bagi item pertama dalam domain "keberkesanan konsep QIT" ini, nilai purata min ialah 71.36% di mana ramai di antara responden menganggap QIT yang dianggotai adalah berkesan melaksanakan program yang telah diputuskan dalam mesyuarat adalah pada tahap 71.36% "berkesan" bagi meningkatkan prestasi pendidikan. (skor min 70.00% bagi QIT Menengah dan 71.82% bagi QIT Rendah).

Jadual 4.8
Keberkesanan Konsep QIT *

Bil	Item	Min (%)		Purata (%)	Signifikan**
		Men	Ren		
1	Keberkesanan QIT yang saya anggotai melaksanakan keputusan yang dicapai dalam mesyuarat adalah.....	70.00	71.82	71.36	0.4838
2	Kadar keberkesanan QIT yang saya anggotai meningkatkan prestasi akademik pelajar sekolah saya adalah	64.55	65.56	65.31	0.6841
3	Kadar keberkesanan program kokorikulum yang dijalankan oleh QIT yang saya anggotai adalah pada anggaran	56.14	66.97	64.26	0.4018
4	Kadar keberkesanan masa diguna menghadiri mesyuarat QIT yang saya anggotai adalah pada anggaran	54.32	64.70	62.10	0.0240
5	Kadar keberkesanan program kecerian yang dijalankan oleh QIT yang saya anggotai adalah pada anggaran	48.87	60.66	57.69	0.1676
6	Kadar keberkesanan program menangani masalah disiplin pelajar yang dijalankan oleh QIT yang saya anggotai adalah pada anggaran	47.73	58.74	55.95	0.6028

* = berdasarkan maklum balas dari 0% (sangat tidak berkesan) ke 100% (sangat berkesan).

** = Menggunakan teknik statistik ujian t.

Untuk item kedua nilai signifikan menunjukkan tiada perbezaan yang ketara antara QIT Menengah dan Rendah dalam keberkesanan program yang dijalankan bagi meningkatkan prestasi akademik pelajar, skor min ialah 64.55% bagi QIT Menengah dan 65.56% bagi QIT Rendah. Kadar keberkesanan item ini pada tahap "berkesan". Item ketiga, iaitu "keberkesanan program kokurikulum" tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan antara QIT Menengah dan Rendah di mana skor min adalah pada tahap 56.14% bagi QIT Menengah dan 66.97% bagi QIT Rendah, nilai purata ialah 64.26% iaitu pada tahap "berkesan". Walau bagaimanapun item keempat iaitu "masa yang digunakan menghadiri mesyuarat" menunjukkan perbezaan yang signifikan (0.0240) daripada maklum balas yang diperolehi iaitu antara QIT Menengah dan QIT Rendah. Responden bagi QIT Rendah berpendapat masa yang digunakan menghadiri mesyuarat adalah berkesan jika dibandingkan dengan QIT Menengah. Nilai min peratus keberkesanan, masing-masing berpendapat keberkesanan adalah pada tahap 54.32% dan 64.70%. Item terakhir dalam Jadual 4.8 ialah berkaitan "keberkesanan program yang dijalankan oleh QIT menangani masalah disiplin", didapati nilai purata keseluruhannya ialah 55.95% (pada tahap berkesan) sementara skor min ialah 47.7% bagi QIT Menengah dan 58.74% bagi QIT Rendah. Perbezaan skor min ini mungkin disebabkan oleh program yang berbeza diperlukan bagi kumpulan sasaran yang berlainan peringkat umur.

Kesimpulan Hasil Kajian

Dapatan kajian menunjukkan tiada perbezaan yang ketara dari segi pilihan skalar min dalam penglibatan ahli, kefahaman matlamat kumpulan, kualiti perhubungan antara ahli QIT, keberkesanan membuat

sesuatu keputusan dan galakan kreativiti di kalangan ahli QIT. Walaupun tiada perbezaan yang ketara di antara QIT Menengah dan QIT Rendah, dapatan kajian menunjukkan nilai min bagi 34 item yang diuji didapati QIT Rendah memberi persetujuan yang lebih tinggi jika di bandingkan dengan QIT Menengah. Sungguh pun terdapat sedikit perbezaan dalam tahap kefahaman konsep dan fungsi QIT, kesemua ahli QIT tetap menunjukkan kefahaman yang tinggi dalam penglibatan ahli, kefahaman matlamat kumpulan, kualiti perhubungan antara ahli QIT, keberkesanan membuat sesuatu keputusan dan galakan kreativiti di kalangan ahli QIT bagi QIT Menengah dan QIT Rendah. Kepercayaan terhadap keberkesanan semua program yang di jalankan oleh setiap QIT juga adalah pada kadar tahap yang tinggi. Bagi QIT Rendah dan QIT Menengah, kepercayaan bahawa QIT boleh berfungsi sebagai agen penggerak aktiviti juga adalah pada tahap yang tinggi.